

20/04/1997

PM dengar taklimat projek tebus guna

ALOR STAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam diberi taklimat mengenai cadangan projek tebus guna pesisir pantai Kedah bernilai kira-kira RM30 bilion, dipercayai projek tambakan laut terbesar di dunia.

Projek yang membabitkan pesisir pantai sepanjang kira-kira 100 kilometer dan kira-kira 50 meter dari Kuala Sanglang di sempadan Kedah-Perlis hingga ke Kuala Muda di sempadan Pulau Pinang itu, dicadangkan oleh Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd (Samudera Baru).

Taklimat disampaikan Pengerusi Samudera Baru, Azizan Abdul Rahman dan pegawai kanan serta juruperunding projek itu.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, Exco Kerajaan Negeri dan pegawai kanan kerajaan.

Dalam taklimatnya, Azizan berkata syarikatnya mencadangkan pelaksanaan keseluruhan projek dalam tempoh 20 tahun, termasuk tebus guna dengan membina sembilan pulau sepanjang kawasan terbabit.

Beliau berkata, dua pulau utama bakal menempatkan kompleks perindustrian bersepadu, termasuk industri angkasa lepas, pelabuhan kontena, terminal kapal pelancongan, stesen janakuasa, kawasan kediaman, pusat peranginan dan pantai.

Pulau kedua pula membabitkan pembinaan lapangan terbang antarabangsa untuk wilayah utara Semenanjung, pelabuhan laut dalam, perhubungan kereta api serta kawasan bebas indusrti.

Turut dicadangkan ialah pusat perindustrian perikanan, pentadbiran, muzium, universiti, taman awam, marina, kelab golf dan taman tema serta rekreasi.

Keseluruhan projek membabitkan tiga daerah di Kedah, iaitu Kubang Pasu, Kota Star, Yan dan Kuala Muda. Mengikut cadangan, pemaaju akan menyerahkan 20 peratus daripada keluasan kawasan tebus guna kepada kerajaan negeri secara percuma.

Bagi menghubungkan pulau berkenaan dengan tanah besar, syarikat berkenaan bercadang membina jambatan dan terowong bawah laut yang disambungkan terus ke lebuh raya sedia ada.

(END)